

26/07/1999

Rizab ringgit cukup

aruzzaman; Wan Sabariah Shikh Ali; Nor Liza Ahmad

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memberi jaminan kepada pelabur asing di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) bahawa Malaysia mempunyai wang mencukupi jika mereka menarik keluar pelaburan daripada pasaran.

Perdana Menteri berkata, jika pelabur berkenaan berbuat demikian selepas 1 September depan, iaitu tarikh akhir pelaksanaan peraturan kawalan tukaran asing, mereka tidak perlu bimbang kerana negara mempunyai rizab ringgit yang mencukupi untuk ditukar kepada mata wang asing.

Bagaimanapun, beliau tidak menjangka semua pelabur asing akan menjual saham apabila tempoh berkenaan berakhir, walaupun ada segelintir yang mungkin berbuat demikian.

"Kita tidak menjangka akan berlaku penarikan keluar secara mengejut. Mungkin ada yang menarik keluar tetapi bukan semua, kerana banyak yang akan kekal. Pasaran juga tidak akan terjejas kerana kebanyakan pelabur adalah pelabur tempatan.

"Lagi pun pelabur asing masih terus masuk dan jika ada yang membawa wang mereka keluar, kita mempunyai ringgit yang mencukupi untuk ditukar kepada mata wang asing. Tiada masalah... mereka boleh membawa wang mereka keluar," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan tidak bimbang dengan penurunan Indeks Komposit (IK) BSKL sejak beberapa hari lalu kerana ia sebenarnya meningkat melebihi paras 800 mata, berbanding 200 mata ketika kegawatan ekonomi lalu.

Katanya, berbanding beberapa bulan lalu, indeks meningkat begitu cepat dan penurunan adalah sesuatu yang biasa dalam pasaran saham berikutan kegiatan pengambilan untung dan tindak balas terhadap pasaran antarabangsa.

"Justeru, bagi kita ia (kemerosotan indeks) bukan sesuatu yang mengejutkan," katanya ketika berdialog dengan wartawan asing selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Kumpulan Emkay (Emkay) dan Golden Life Resort Bhd (Golden Life) bagi pembelian sebahagian daripada hartanah Langkawi Lagoon, disini hari ini.

Emkay diwakili Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar, manakala Golden Life oleh Pengarah Urusannya, Yoon Chan Soo.

Selain wartawan Korea, dialog berkenaan turut membabitkan pelbagai agensi yang berkaitan industri pelancongan dan ahli perniagaan negara berkenaan.

Hadir sama Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Duta Korea ke Malaysia, Lee Byoung Ho.

Langkawi Lagoon yang dimajukan anak syarikat Emkay, Tema Teladan Sdn Bhd membabitkan kawasan seluas 20 hektar yang merangkumi pembangunan 178 unit banglo dan 675 unit rumah kampung.

Selain itu, ia menyediakan 838 unit pangsapuri satu bilik tidur dan pusat beli-belah seluas 17,000 meter persegi serta kelab rekreasi dan hiburan.

Menerusi perjanjian berkenaan, Golden Life, sebuah syarikat usahasama Korea dan Malaysia akan membeli 220 unit banglo, rumah kampung dan pangsapuri bernilai antara RM70 juta hingga RM100 juta.

Dalam dialog itu, Dr Mahathir juga mencadangkan pertukaran siaran dokumentari pelancongan membabitkan kerjasama stesen televisyen swasta dan milik kerajaan untuk promosi di kalangan rakyat kedua-dua negara.

Beliau turut mencadangkan supaya diadakan penerbangan terus dari Seoul ke Langkawi, termasuk penerbangan sewa khas tanpa perlu singgah di Kuala Lumpur.

Perdana Menteri juga mempelawa syarikat Korea untuk melabur dalam Koridor Raya Multimedia (MSC) yang membolehkan penggunaan kemudahan bagi pelbagai urusan, termasuk penyelidikan berhubung teknologi maklumat (IT), sekali gus berinteraksi dengan syarikat gergasi asing yang menyertai MSC.

Berucap pada majlis itu, Dr Mahathir berkata perjanjian berkenaan menggambarkan kebangkitan semula industri hartanah dan pelancongan selepas terjejas akibat kegawatan ekonomi.

Beliau juga yakin lebih ramai pelancong Korea mengunjungi Malaysia berikutan pemulihan pesat ekonomi negara berkenaan berbanding negara lain di rantau Asia Timur.

(END)